

"Secara keseluruhan konsep kepolisan moden yang diterapkan memberikan kesan yang positif kepada masyarakat selain menaikkan imej PDRM sendiri"
Abdul Hafiz



Kepolisan moden kekang jenayah

Kuala Lumpur: Konsep kepolisan moden yang dilaksanakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Balai Polis Taman Tun Dr Ismail (TTDI) menerima reaksi positif penduduk setempat.

Pengerusi Persatuan Penduduk TTDI, Abdul Hafiz Abu Bakar, 61, berkata prestasi ditunjukkan anggota Balai Polis TTDI amat memuaskan, sekali gus berjaya menurunkan tahap kebimbangan masyarakat setempat terhadap kejadian jenayah.

"Walaupun jenayah masih berlaku, namun berada pada tahap terkawal berbanding sebelum ini. Rekod jumlah atau statistik jenayah disimpan polis, jadi saya tidak dapat menunjukkan jumlahnya,

tetapi berdasarkan pemerhatian keseluruhannya menunjukkan penurunan.

"Malah perkhidmatan yang diberikan anggota polis juga amat memuaskan termasuk ketika berada di kaunter balai," katanya ketika ditemui di kediamannya, di TTDI, di sini, pagi semalam.

Abdul Hafiz berkata, setiap bulan pihaknya bersama polis, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) mengadakan pertemuan membincangkan situasi semasa.

"Kewujudan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) serta rondaan kereta peronda (MPV) yang menunjukkan kehadiran

polis di kawasan perumahan membuatkan penduduk lebih selesa dan yakin. Ia sekali gus menurunkan tahap kebimbangan penduduk di sini.


"Saya mempunyai pengalaman sendiri apabila terserempak beberapa lelaki dalam keadaan mencurigakan, apabila menghubungi polis, mereka tiba di lokasi dalam masa beberapa minit saja," katanya.

Menurutnya, polis juga kerap melakukan sekatan jalan raya pada lokasi dan waktu berbeza sekitar TTDI.

"Secara keseluruhan konsep kepolisan moden yang diterapkan memberikan kesan positif kepada masyarakat selain menaikkan imej PDRM sendiri," jelasnya.



MENGURANGKAN JENAYAH



KESELAMATAN diri serta keluarga di tempat awam lebih terjamin ekoran usaha kerajaan mewujudkan persekitaran lebih selamat.

Tumpu usaha kawal sebaran berita palsu

Kuala Lumpur: Tumpuan wajar diberikan pihak berkuasa bagi mengawal penyebaran berita palsu yang dilihat mampu menimbulkan rasa tidak selesa dan bimbang kepada masyarakat.

Amri Amir, 61, berkata, teknologi dan kemudahan komunikasi yang pantas ketika ini menyebabkan penyebaran berita palsu berlaku dengan pantas.

"Banyak penyebaran berita tidak betul berlaku ketika ini, sedangkan di lapangan kita sendiri dapat lihat polis sering membuat kerja mereka seperti melakukan rondaan

dan sebagainya. "Kewujudan Akta Berita Palsu satu usaha baik pihak berkuasa bagi mengawal situasi seperti ini," katanya.

Saharuddin Mohd Azali, 31, berkata, aspek keselamatan tidak hanya bergantung kepada pihak polis dan agensi keselamatan saja, namun masyarakat juga harus memainkan peranan dengan menutup peluang jenayah untuk melakukan jenayah.

"Buat masa ini, saya masih yakin dengan keupayaan pihak berkuasa melakukan kerja mereka kerana saya sendiri masih boleh berjalan

bersendirian di sekitar Kuala Lumpur," katanya.

Nor Azmi Mohd Yusof, 46, memuji usaha agensi keselamatan terutamanya polis yang melakukan perubahan seiring dengan peredaran zaman.

"Langkah mereka seiring perkembangan teknologi termasuk membuka akaun media sosial seperti Facebook, mendekatkan polis dan masyarakat sambil memudahkan usaha menyalurkan maklumat serta memuat naik aktiviti dijalankan.

"Pujian harus diberikan kerana mereka sering

mengadakan kegiatan atau aktiviti bersama masyarakat," katanya.

Ammar Azzam Jamaluddin, 28, berkata kebimbangan terhadap kejadian jenayah di negara ini masih berada pada tahap tidak serius.

"Bagaimanapun, orang ramai perlu menapis setiap berita atau viral yang menyebabkan kebimbangan mengenai kejadian jenayah di negara ini.

"Pengguna atau orang awam perlu mendapatkan pengesahan sebelum menerima khabar yang tersebar," katanya.





“ Kewujudan Akta Berita Palsu satu usaha baik pihak berkuasa bagi mengawal situasi seperti ini”
Amri



“ Pujian harus diberikan kerana mereka sering mengadakan kegiatan atau aktiviti bersama masyarakat”
Nor Azmi



“ Orang awam perlu mendapatkan pengesahan sebelum menerima khabar yang tersebar”
Ammar Azzam